

Pembinaan Jambatan
Putra Membantu
Menyurui Trafik Kuantan

Teknologi Pembinaan Lebuhraya
Setiawangsa – Pantai (SPE)
Menerima Anugerah “Malaysia
Book Of Records”

Majlis Pelancaran
Sistem J10 JKR
Malaysia

JANUARI – APRIL 2021

01

BINA

KEMENTERIAN KERJA RAYA



TINJAUAN KEADAAN


**KESELAMATAN
JALAN RAYA AKIBAT
BANJIR DI PAHANG**

ISSN 2600-8610



9 772600 861008

TERBITAN: UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KEMENTERIAN KERJA RAYA



kk_r_malaysia



Kementerian Kerja Raya



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya Malaysia Official

www.kkr.gov.my



● Pembinaan Jambatan Putra Membantu Menyurai Trafik Kuantan

KUANTAN, PAHANG, 21 FEBRUARI 2021 – Penyuraian trafik, khususnya untuk perjalanan dari Tanjung Lumpur ke Bandar Indera Mahkota kini lebih lancar apabila Jambatan Putra sepanjang 451 meter siap dibina merentasi Sungai Kuantan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah menyempurnakan perasmian pembukaan dan Tuanku baginda turut berkenan bertitah Ucapan Perasmian Menara Kuantan 188 dan Perasmian Jambatan Putra secara maya.

Berita Selanjutnya


 Pembinaan Jambatan Putra Membantu Menyurai Trafik Kuantan | (kk.gov.my)




● Tinjauan Lokasi Bencana Jalan Persekutuan di Negeri Pahang

PAHANG, 4 JANUARI 2021 – Bagi meninjau kesan banjir dan musim tengkujuh terhadap struktur jalanraya persekutuan di Negeri Pahang, Menteri Kanan Kerja Raya, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke lokasi-lokasi bencana pada 4 hingga 6 Januari 2021.

Berita Selanjutnya

 Tinjauan Lokasi Bencana Jalan Persekutuan Di Negeri Pahang | (kk.gov.my)




● Operasi Mengejut Tapak Pembinaan – 1 Patuh SOP, 1 Diberi Amaran, 1 Ditutup

KUALA LUMPUR, 5 FEBRUARI 2021 – Satu pemeriksaan mengejut ke tiga tapak pembinaan di sekitar pusat bandaraya Kuala Lumpur telah dilaksanakan hari ini bagi memantau pematuhan SOP dan juga pengurusan penempatan pekerja.

Operasi ini diketuai Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Yusof bersama-sama CIDB Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berita Selanjutnya


 Operasi Mengejut Tapak Pembinaan – 1 Patuh Sop, 1 Diberi Amaran, 1 (kk.gov.my)



● Tinjauan Susulan Lokasi Cerun Runtuh FT218 Bentong, Pahang

BENTONG, 20 FEBRUARI 2021 – Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, mengadakan pemeriksaan susulan ke kawasan cerun runtuh di laluan FT218 Seksyen 3.0, Jalan Bentong - Raub (Lama), daerah Bentong, pada hari ini. Ini adalah tinjauan susulan kepada pemeriksaan pada 6 Januari 2021.

Berita Selanjutnya

 Tinjauan Susulan Lokasi Cerun Runtuh FT218 Bentong Pahang | (kk.gov.my)



• **Majlis Amanat Tahun 2021 dan Pelancaran Pelan Strategik Organisasi KKR**

KUALA LUMPUR, 29 JANUARI 2021 – Majlis Amanat Tahun 2021 dan Pelancaran Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya (PSO KKR) 2021 – 2025 telah diadakan secara maya melalui akaun rasmi facebook kementerian. YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya telah menyampaikan amanat dan melancarkan PSO KKR 2021 – 2025.

Berita Selanjutnya

Majlis Amanat Tahun 2021 Dan Pelancaran Pelan Strategik Organisasi (kk.gov.my)



• **Pembentangan Pencapaian Setahun KKR**

KUALA LUMPUR, 4 MAC 2021 – Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berjaya mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) 99 peratus menerusi pelaksanaan projek dan program sepanjang tahun lepas sungguh pun negara dilanda Pandemik COVID-19. Sejumlah 131 projek dilaksanakan di bawah KKR dengan 111 projek telah disiapkan bernilai RM3.955 bilion pada tahun lepas.

Berita Selanjutnya

Pembentangan Pencapaian Setahun KKR | Kementerian Kerja Raya Malaysia



• **Majlis Perancangan Program Solar Energy Purchasing (SEP) untuk Bangunan KKR dan JKR.**

KUALA LUMPUR, 16 MAC 2021 – Kementerian Kerja Raya (KKR) melancarkan Program *Solar Energy Purchasing* (SEP) iaitu inisiatif pemasangan Sistem *Solar Photovoltaic* (PV) di bangunan Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi memperoleh penjimatan bil elektrik bulanan. Pemilik bangunan atau pengguna akan menikmati *zero upfront cost* dan *zero capex* melalui satu mekanisme penyewaan di bawah perjanjian *Supply Agreement for Renewable Energy* (SARE).

Berita Selanjutnya

Majlis Pelancaran Program Solar Energy Purchasing (SEP) Untuk (kk.gov.my)



• **Majlis Pelancaran Sistem J10 JKR Malaysia.**

KUALA LUMPUR, 29 MAC 2021 – Jabatan Kerja Raya (JKR) komited mentransformasi proses perkhidmatan melalui pelaksanaan solusi ICT dengan melancarkan Sistem J10. Sistem ini bakal merevolusikan kaedah kerja konvensional melalui pendigitalan penggunaan borang dan kaedah kerja. J di dalam J10 merujuk kepada JKR, manakala 10 bermaksud 10 kitar hayat pengurusan projek dan fasiliti aset kerajaan, bermula daripada perancangan projek sehinggalah pelupusan fasiliti aset.

Berita Selanjutnya

Majlis Pelancaran Sistem J10 JKR Malaysia | Kementerian Kerja Raya (kk.gov.my)





7 Projek Bernilai RM 528 Juta Merencanakan Ekonomi Negara, Mensejahterakan Rakyat.

KUALA LUMPUR, 22 MAC 2021 – Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof menyerahkan Surat Setuju Terima Tender (SST) tujuh projek bernilai setengah bilion ringgit di bawah Pelaksanaan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam usaha merencanakan ekonomi negara. Disamping itu, sekiranya mengambil kira factor nilai gandaan (dua kali ganda) pelaksanaan tujuh projek ini terhadap impak ekonomi, ia boleh mencecah kepada RM1 bilion.

Berita Selanjutnya


 [7 Projek Bernilai Rm528 Juta Merencanakan Ekonomi Negara, \(kk.gov.my\)](http://kk.gov.my)



Tinjauan Kemajuan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah : Pakej Kerja Bongawan–Papar

PAPAR, SABAH, 8 APRIL 2021 – YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya melakukan tinjauan kerja bagi Pakej Kerja Bongawan-Papar (WP 04) yang merupakan sebahagian daripada sebelas (11) Pakej Kerja jajaran Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah (LPB Sabah). Pakej Kerja ini kini sedang giat dilaksanakan oleh JKR Sabah sebagai Pegawai Penguasa, susulan penamatan Rakan Pelaksana Projek pada 22 September 2019.

Berita Selanjutnya


 [Tinjauan Kemajuan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah: Pakej Kerja \(kk.gov.my\)](http://kk.gov.my)



Teknologi Pembinaan Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE) Menerima Anugerah "Malaysia Book Of Records"

KUALA LUMPUR, 12 APRIL 2021 – Sektor pembinaan melakar sejarah dalam teknologi pembinaan lebuhraya apabila dua struktur pembinaan Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) menerima Anugerah "Malaysia Book of Records". Anugerah tersebut adalah Jambatan konkrit terpanjang (67.5 meter) menggunakan rasuk pra tegang berbentuk T kepada Ekovest Berhad dan Rasuk prategang berbentuk T terpanjang (63.1 meter) kepada Nehemiah Towoong Bridgetech Sdn Bhd.

Berita Selanjutnya


 [Teknologi Pembinaan Lebuhraya Setiawangsa-Pantai \(SPE\) Menerima \(kk.gov.my\)](http://kk.gov.my)



Majlis Pelancaran Program Pembangunan Kontraktor Penyenggaraan (PPKP) 2021.

KUALA LUMPUR, 30 MAC 2021 – Program Pembangunan Kontraktor Penyenggaraan (PPKP) 2021 yang dilancarkan Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, bakal memanfaatkan 563 kontraktor kecil kontraktor G1 hingga G4 seluruh negara. Para kontraktor bakal menerima peruntukan belanja tambahan berjumlah RM200 juta untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan di bawah kerja penyenggaraan kecil.

Berita Selanjutnya

 [Majlis Pelancaran Program Pembangunan Kontraktor Penyenggaraan \(PPKP\) \(kk.gov.my\)](http://kk.gov.my)




● Projek Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Memanfaat Penduduk Kuala Pilah

KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN, 9 MAC 2021

– Penduduk Kuala Pilah dan kawasan sekitarnya bakal menerima perkhidmatan kesihatan terkini dan bertaraf moden apabila Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah dibina. Matlamat pembinaannya adalah untuk memberi penambahbaikan dari segi fungsi hospital sebagai hospital pakar residen yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan sekunder.

Berita Selanjutnya:


 Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan Pecah Tanah Projek Blok (kkr.gov.my)



● Penyerahan Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat di Pekan Tanah Merah, Kelantan dan Majlis Penyampaian SST

KUALA LUMPUR, 3 MAC 2021 – Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj Fadillah Bin Hj Yusof hadir menyaksikan Penyerahan Projek Persimpangan Bertingkat (*Elevated T Junction*) di atas Lintasan Keretapi di Pekan Tanah Merah, Kelantan dan penyampaian Surat Setuju Terima (SST) dua projek

Berita Selanjutnya

 Penyerahan Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat di Pekan Tanah Merah (kkr.gov.my)




● Keselamatan dan Keselesaan Pengguna Jalan Raya Menjadi Fokus Tinjauan Lokasi Cerun

CAMERON HIGHLANDS, PAHANG, 27 MAC 2021 –

Keselamatan dan keselesaan pengguna jalanraya daripada Simpang Pulai, Perak ke Gua Musang, Kelantan terus diberi perhatian apabila Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof turun padang meninjau dua lokasi di Jalan Persekutuan FT185.

Berita Selanjutnya

 Keselamatan dan Keselesaan Pengguna Jalan Raya Menjadi Fokus Tinjauan (kkr.gov.my)



● Penyerahan SST Untuk Projek Infra Rakyat Bernilai RM 600 Juta

KUALA LUMPUR, 10 MAC 2021 – Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof menyerahkan Surat Setuju Terima (SST) untuk pembangunan infrastruktur dan prasarana serba lengkap, moden dan kondusif, bagi empat projek bernilai RM600 juta dibawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Cawangan Kerja Pendidikan, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah diberi kepercayaan selaku agensi pelaksana kepada projek-projek ini.

Berita Selanjutnya

 Penyerahan SST Untuk Projek Infra Rakyat Bernilai RM600 Juta (kkr.gov.my)

PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN

Ekonomi kembali pulih jika kita semua selamat
Lindungi diri, masyarakat dan ekonomi negara
 Daftar untuk vaksin

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN



IMBAS KOD QR

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV) VAKSINCOVID.GOV.MY

Lindungi diri dan keluarga
Dapatkan suntikan vaksin

Daftar sekarang





MySejahtera vaksinCOVID.gov.my 1800-888-828

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA. JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN SEKTOR PEMBINAAN

CIDB MALAYSIA

PERTANYAAN

Waktu Operasi Careline CIDB sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh bermula 8 - 28 Jun 2021

03-5567 3300

Waktu Operasi:
8:00 AM - 12:00 AM
 Tutup:
 Sabtu, Ahad dan Cuti Umum

kk_r_malaysia Kementerian Kerja Raya @MOWorks Kementerian Kerja Raya Malaysia Official

CIDB MALAYSIA

PENGURUSAN DAN PENGAWALAN PEKERJA TAPAK BINA

1. Penjarakan fizikal **1 meter**
2. Amal 3 W (**Wash, Wear, Warn**)
3. Elak 3 C (**Crowded Places, Confined Space, Close Conversation**)
4. Semua pekerja menjalani **Ujian Pengesanan Covid-19**
5. **Patient under investigation (PUI) & person under surveillance (PUS)**, tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.

kk_r_malaysia Kementerian Kerja Raya @MOWorks Kementerian Kerja Raya Malaysia Official

CIDB MALAYSIA

KAWALAN PERGERAKAN PEKERJA PEMBINAAN

1. Waktu beroperasi dan kehadiran pekerja adalah **seperti biasa**.
2. Kapasiti pekerja **60% sahaja**.
3. Semua pekerja di tapak pembinaan wajib menjalani **Ujian Pengesanan COVID-19** sebelum memulakan kerja.
4. Semua pekerja binaan **tidak dibenarkan berpindah** dari satu tapak pembinaan ke lokasi yang lain.

kk_r_malaysia Kementerian Kerja Raya @MOWorks Kementerian Kerja Raya Malaysia Official

CIDB MALAYSIA

PENGAWALAN PERGERAKAN PEKERJA PEMBINAAN

1. Menyediakan **kod QR MySejahtera** di setiap tapak bina/premis dan memastikan sesiapa yang ingin memasuki tapak bina/premis diperiksa suhu dan mendaftar.
2. Pekerja binaan **tidak dibenarkan berpindah** dari satu tapak bina ke tapak bina yang lain.
3. Sediakan **kemudahan pengangkutan** pekerja bagi memastikan pergerakan pekerja terhad.
4. Pekerja-pekerja binaan hendaklah dipantau dan dipastikan **tidak bergaul** dengan penduduk setempat.

kk_r_malaysia Kementerian Kerja Raya @MOWorks Kementerian Kerja Raya Malaysia Official